

KEPIMPINAN ISLAM: KONSEP DAN AMALANNYA¹

Oleh:
Nurhelmi bin Hj. Ikhsan
Pen. Pegawai Hal Ehwal Islam (Istinbat)
Jabatan Mufti Negeri Selangor

Pendahuluan.

Allah s.w.t. mencipta manusia, melengkapkan mereka dengan keupayaan intelek dan menjadikan mereka sebagai khalifah (pemimpin) di atas muka bumi. Di samping kejadian manusia, Allah juga mencipta makhluk-makhluk dan kejadian lain sebagai sesuatu yang berguna kepada manusia. Dalam mencipta kejadian-kejadian ini, Allah membekalkan dua prasarana kepada manusia untuk memakmurkan muka bumi iaitu kebolehan mengurus (*skill*) dan sumber-sumber (*resources*). Tanggungjawab memimpin dan mengurus sekumpulan individu atau sesuatu masyarakat untuk mencapai objektif atau matlamat terletak kepada bahu pemimpin.

Kejayaan dan kemajuan sesuatu bangsa bergantung kuat kepada gaya kepimpinan pemimpin mereka dan berkait rapat dengan kesedaran menunaikan tanggungjawab oleh pemimpin dan seterusnya menggerakkan masyarakat menuju keredhaan Allah. Islam telah menyediakan garis panduan yang jelas dalam soal kepimpinan yang boleh dipraktikkan untuk kesejahteraan masyarakat. Konsep kepimpinan Islam perlu difahami dan diterapkan dalam bentuk yang komprehensif sesuai dengan maksud Islam sebagai cara hidup (*nizam al-hayah*).

Definisi Kepimpinan.

Dalam Islam, aspek kepimpinan diberi perhatian penting sehingga Rasulullah s.a.w. menganjurkan agar dilantik seorang pemimpin walaupun dalam kumpulan yang kecil sepertimana sabda Baginda yang bermaksud: *'Apabila tiga orang keluar bermusafir, maka hendaklah dilantik seorang daripadanya*

¹ Kertas kerja ini dibentangkan pada Seminar Pengurusan Islam: Penolong Pendaftar Nikah dan Nazir Masjid Daerah Kuala Langat, 3 Mei 2008, Quality Hotel, Shah Alam.

sebagai ketua'. Terdapat pelbagai definisi diberi tentang 'keimpinan', antaranya:

1. Usaha untuk mempengaruhi individu atau sekumpulan individu untuk melakukan sesuatu tugas bagi mencapai objektif tertentu;
2. Tingkah laku individu apabila dia sedang mengarah aktiviti kumpulan ke arah mencapai matlamat yang dikongsi bersama; dan
3. Seni menyusun hubungan antara individu dengan beberapa kumpulan yang mengarah mereka ke arah sesuatu matlamat yang dirancangkan.

Terdapat pelbagai istilah yang dikaitkan dengan kepimpinan dalam Islam seperti 'khalifah', 'imamah', 'qiyadah', 'za'mah', 'ri'ayah', 'ri'asah' dan 'siyadah'. Semua istilah ini menunjukkan wujudnya hirarki dalam kepimpinan Islam dan boleh dilihat dalam beberapa ayat al-Qur'an, antaranya :

Maksudnya: Dan berkatalah nabi Musa kepada saudaranya nabi Harun (semasa keluar menerima Taurat). Gantikanlah aku dalam (urusan memimpin) kaumku, dan perbaikilah (keadaan mereka sepeninggalanku), dan janganlah kamu mengikut jalan orang-orang yang melakukan kerosakan.²

² Surah al-A'raaf , ayat 142.

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim diuji oleh Tuhannya dengan beberapa kalimah (suruhan dan larangan), maka nabi Ibrahim pun menyempurnakannya. (Setelah itu), Allah berfirman: Sesungguhnya Aku melantik kamu menjadi imam (pemimpin ikutan) bagi umat manusia. Nabi Ibrahim pun memohon dengan berkata: (Ya Tuhanku) jadikanlah juga dari keturunanku (pemimpin-pemimpin ikutan). Allah berfirman: (Permohonan mu diterima, tetapi) janjiKu ini tidak akan didapati oleh orang-orang yang zalim.³

Kepimpinan seringkali dikaitkan dengan seni membimbing, mendidik, memujuk, mempengaruhi, mengajak, menuntun dan sebagainya. Justeru itu, umat Islam digesa supaya sentiasa sedar tentang keperluan dan kepentingan kepimpinan kerana kepimpinan yang cemerlang akan melahirkan masyarakat yang cemerlang.

Cabaran Membentuk Pemimpin dan Kepimpinan.

Kepimpinan dari perspektif Islam tidaklah semata-mata merujuk kepada pemimpin tertinggi terutama pemimpin-pemimpin negara. Cabaran untuk membentuk kemahiran kepimpinan dalam setiap individu Muslim adalah cabaran utama yang perlu difahami. Mengikut hadis Rasulullah s.a.w., semua individu Muslim dianggap sebagai pemimpin dan bertanggungjawab kepada mereka yang berada di bawah kepimpinannya seperti sabda Baginda yang bermaksud:⁴

'Tiap-Tiap seorang dari kamu adalah pemimpin dan akan diminta bertanggungjawab kepada orang-orang yang berada di bawah jagaannya. Seorang ketua negara bertanggungjawab ke atas rakyatnya dan akan disoal oleh Allah akan kepimpinannya. Seorang isteri bertanggung jawab di rumahnya dan akan disoal berkenaan tanggungjawabnya, seorang anak bertanggungjawab ke atas harta bapanya dan dia juga akan disoal, begitu juga seorang hamba atau yang bekerja dengan majikan, bertanggungjawab

³ Surah al-Baqarah, ayat 124.

⁴ Hadis riwayat Bukhari dan Muslim.

kepada majikannya, setiap kamu adalah pemimpin, dan bertanggungjawab kepada apa yang dipimpinnya' .

Berdasarkan hadis ini, boleh difahami bahawa tahap yang paling minimum, seorang individu bertanggungjawab memimpin dirinya sendiri, kemudian hierarki kepimpinan meningkat setahap demi setahap - bermula dalam diri sendiri, keluarga, masyarakat sehinggalah kepada kepimpinan yang tertinggi di peringkat negara dan dunia. Dalam semua peringkat kepimpinan ini, pemimpin bertanggungjawab penuh terhadap pengikut-pengikut atau orang yang dipimpinnya. Lebih tinggi kedudukan kepimpinan seseorang, lebih tinggilah amanah yang mesti dipikul olehnya.

Pemimpinlah sebenarnya yang bertanggungjawab menentukan ke arah mana pengikut-pengikutnya akan dibawa. Keharmonian atau kegelisahan yang wujud dalam masyarakat berkait rapat dengan agenda yang dibawa oleh pemimpin. Banyak nas syara' yang menekankan fungsi pemimpin sebagai penggerak sosial dan mengakui pemimpin mempunyai implikasi besar kepada corak atau pola perlakuan pengikut, misalnya firman Allah s.w.t.:⁵

Maksudnya: Allah pelindung (yang mengawal dan menolong) orang-orang yang beriman. Ia mengeluarkan mereka dari kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman). Dan orang-orang kafir, penolong-penolong mereka ialah taghut, yang mengeluarkan mereka dari cahaya (iman) kepada kegelapan (kufur). Mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.

Setiap Muslim mempunyai potensi tersendiri untuk menjadi seorang pemimpin yang berkesan dalam lingkungan tanggungjawabnya. Ini kerana kepimpinan bukanlah sesuatu yang statik atau kaku dan tidak berkembang tetapi ia sebenarnya dinamik, boleh berubah kepada tahap yang lebih baik dengan melalui beberapa proses tertentu. Memang ada penulis yang beranggapan seorang pemimpin berpengaruh memang telah dilahirkan dengan beberapa sifat yang melayakkan dirinya sebagai pemimpin. Dengan erti kata lain

⁵ Surah al-Baqarah, ayat 257.

mereka *'born to be a leader'* atau memang mereka dilahirkan untuk menjadi pemimpin.⁶

Bagaimanapun, pemimpin yang berpengaruh diakui perlu juga melalui beberapa proses atau latihan yang boleh membentuk personalitinya sebagai seorang pemimpin yang berjaya. Seorang pemimpin yang mencurahkan seluruh pemikiran dan tenaganya bagi memastikan pengikut-pengikut memperolehi manfaat yang banyak dari kepimpinannya, dijanjikan oleh Allah dengan ganjaran yang besar.⁷ Dalam *Musnad* Imam Ahmad ada diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

'Makhluk yang paling dicintai Allah adalah imam (pemimpin) yang adil dan yang paling dibenci Allah ialah imam yang zalim'.

Cabaran Melaksanakan Tanggungjawab Kepimpinan.

Kepimpinan mengikut perspektif Islam bukanlah satu kedudukan yang boleh dianggap istimewa atau perlu direbut-rebut kerana ia sebenarnya lebih bersifat amanah. Rasulullah s.a.w. pernah mengingatkan Abu Dzar al-Ghifari yang memohon diberi suatu jawatan mentadbir wilayah Islam dalam sabdanya yang bermaksud:

'Sesungguhnya kepimpinan itu adalah satu amanah, pada hari kiamat ia merupakan kehinaan dan penyesalan, kecuali bagi mereka yang menunaikan amanahnya dengan sempurna seperti yang telah dipertanggungjawabkan'.

Amanah menunaikan tanggungjawab bukan sahaja terhenti kepada menyempurnakan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya kepada pengikut-pengikut, tetapi yang lebih penting dilihat oleh Islam ialah menyempurnakan amanah kepada Allah.

⁶ Jaafar Muhammad, 1988.

⁷ Ahmad Ibrahim, 1991.

Ibn Taimiyyah⁸ menekankan bahawa kriteria penting dalam melantik seorang pemimpin mengetuai sesuatu jawatan ialah memastikan mereka mempunyai dua sifat penting iaitu *quwwah* (keupayaan mentadbir dan mengurus) dan amanah. Menariknya, Ibn Taimiyyah sendiri, yang menulis buku berkenaan kira-kira 800 tahun dahulu, juga turut mengakui bahawa sukar memperolehi pemimpin yang mempunyai kedua-dua sifat ini sekaligus.

Islam amat mementingkan kesejahteraan masyarakat dengan menentukan beberapa kriteria dalam pembentukan kepimpinan. Pemimpin yang sentiasa menjaga amanah kepimpinannya akan memiliki rasa tanggungjawab (*sense of responsibility*) yang tinggi dan seterusnya mendorong dia mengambil berat apa yang benar-benar berlaku kepada pengikutnya.

Saidina Umar al-Khattab r.a. contohnya, digambarkan sering memeriksa kehidupan rakyatnya, adakalanya di waktu malam, untuk mendapat informasi yang benar dan *direct* tanpa bergantung kepada laporan pegawainya semata-mata.⁹ Dengan informasi berkenaan, beliau dapat bertindak cepat menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Sebahagian besar masa dan kerja pemimpin berkait rapat dengan urusan menyelesaikan masalah yang dihadapi pengikut di samping mewujudkan interaksi dengan para pengikut. Lima tanggungjawab utama kepimpinan dalam Islam yang perlu dipenuhi iaitu:¹⁰

1. Menegakkan Kebenaran Islam.

Oleh kerana ilmu pengetahuan merupakan syarat utama untuk menjadi seorang pemimpin, mereka sepatutnya mengetahui kebenaran hakiki di sisi Islam. Kebenaran Islam perlu ditegakkan meskipun ia boleh menggugat kepimpinan atau darjat seorang pemimpin ataupun mungkin akan menimbulkan kepayahan, kepahitan dan kesukaran.

⁸ Ibn Taimiyyah, *Siyasah al-Syar`iyyah* (1988).

⁹ Naceur Jabnoun, 1994.

¹⁰ Mohd. Amin Saleh, 1990.

Oleh itu, Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud: *'Katakanlah kebenaran itu walaupun ianya pahit'*. Begitu juga Allah s.w.t. berfirman:¹¹

Maksudnya: (Nabi-nabi yang telah lalu itu) ialah orang-orang yang menyampaikan syariat Allah serta mereka takut melanggar perintahNya, dan mereka pula tidak takut kepada sesiapaupun melainkan kepada Allah. Dan cukuplah Allah menjadi penghitung (segala yang dilakukan oleh makhluk-makhlukNya untuk membalas mereka).

2. Memelihara Karamatul Insan.

Manusia yang dicipta Allah mempunyai nilai yang tinggi di sisi-Nya. Kemuliaan manusia bergantung kepada kemurnian akhlak yang diterjemahkan di dalam kehidupan, menjaga kehormatan diri, memelihara moral dan keunggulan peribadi dan tidak melakukan sesuatu yang bertentangan dengan syariat Islam kerana ia akan merendahkan martabat insan.

Syed Muhammad Naguib al-Attas menjelaskan tentang hakikat manusia dengan menyatakan bahawa - *'Man has a dual nature, he is both soul and body, he is at once physical being and spirit'*. Oleh kerana kerana manusia dicipta untuk menyembah Allah, tugas itu perlu dilakukan kerana ianya sesuai dengan fitrah penciptaan manusia.

Dengan keupayaan *intelegence* dan *huda* (petunjuk) yang dibekalkan, manusia mesti dipandu supaya menjadi makhluk yang mulia, yang tahu menggunakan akal untuk mencari dan menemui kebenaran. Nafsu haiwan manusia yang rendah kedudukannya perlu dikawal dan pemimpin perlu memastikan para pengikut bukan sahaja dibentuk dalam

¹¹ Surah al-Ahzab, ayat 39.

konteks sosio-ekonomi, tetapi juga memenuhi tabii kemanusiaan yang asal.

3. Memakmurkan Bumi-Nya.

Memakmurkan bumi Allah dalam ertikata membangunkan ekonomi negara, membangunkan sahsiah penduduknya dan menjaga keharmonian dan kesejahteraan adalah tanggungjawab utama pemimpin. Segala urusan berkaitan pembangunan negara hendaklah dipertimbangkan dari segi kemaslahatan umum, bukannya hanya terhad kepada kelompok atau kumpulan tertentu.

Pengagihan kekayaan negara hendaklah dilakukan secara adil dengan memberi hak kepada yang berhak menerimanya dan membuka peluang seluas-luasnya kepada rakyat untuk membina kehidupan di dunia dan tidak melupakan kebaikan di akhirat.

4. Menjalankan Urusan Amar Ma'ruf dan Nahi Munkar.

Menjadi tanggungjawab utama pemimpin mengarahkan dan melaksanakan perkara-perkara yang baik dan berusaha mencegah kemungkaran untuk memastikan para pengikut sentiasa berada di dalam kesentosaan dan memperoleh nikmat secara maksima dalam kehidupan.

Lubang-lubang kemungkaran perlu ditutup untuk mengelak merebaknya wabak keruntuhan akhlak dan masalah sosial. Firman Allah s.w.t.:¹²

¹² Surah al-Anbiya', ayat 73.

Maksudnya: Dan Kami jadikan mereka ketua-ketua ikutan, yang memimpin (manusia ke jalan yang benar) dengan perintah Kami, dan Kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebaikan dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat; dan mereka sentiasa beribadat kepada Kami'.

5. Islah (memperbaiki) Masyarakat Melalui Guna tenaga yang Patut.

Menjadi tanggungjawab pemimpin mengorganisasi bidang-bidang kehidupan para pengikut, terutama dengan menurunkan kuasa kepada yang layak. Penyusunan bahagian-bahagian, unit-unit dan sebagainya di dalam struktur organisasi kepimpinan mesti dipandu supaya melakukan islah dengan segala kemampuan yang ada. Firman Allah s.w.t.:¹³

Maksudnya: Salah seorang dari kedua wanita itu berkata: 'Ya bapaku ambillah ia sebagai orang yang bekerja (pada kita), kerana sesungguhnya orang yang paling baik yang kamu ambil untuk bekerja (pada kita) ialah orang yang kuat lagi dapat dipercayai.

Cabaran Melaksanakan Hak Pemimpin dan Pengikut.

Kualiti kepimpinan memang diutamakan oleh Islam. Bagaimanapun, kualiti berkenaan tidaklah semata-mata terletak kepada pemimpin tetapi juga pengikut. Pengikut yang berkualiti akan melahirkan pemimpin yang berkualiti. Kualiti kepimpinan yang dilihat oleh Islam berhubung rapat dengan menunaikan amanah tanggungjawab kepimpinan.

Dalam hal ini, pemimpin mesti bersifat terbuka, sanggup menerima kritikan dan mengubah tanggapan negatif yang merosakkan kesejahteraan pengikut atau rakyat. Islam turut menggariskan hak-hak pemimpin dan yang dipimpin dan ia perlu dilaksanakan untuk mencapai kecemerlangan dalam kehidupan.

¹³ Surah al-Qasas, ayat 26.

Satu yang perlu difahami dalam kepimpinan Islam ialah ungkapan bahawa '*Pemimpin yang baik juga adalah pengikut yang baik*'. Kenyataan ini adalah antara kesimpulan yang dibuat oleh pengkaji kepimpinan merujuk kepada seorang pemimpin yang berkesan di mana dalam masa yang sama dia juga menjadi pengikut yang baik.

Oleh kerana tugas memimpin merupakan satu amanah yang penting lagi berat, Islam turut menggariskan hak-hak yang wajar diterima oleh pemimpin dari pengikut-pengikutnya. Kalau pemimpin diminta melaksanakan urusan kepimpinan dengan penuh amanah dan dedikasi, Islam juga meminta para pengikut melaksanakan tugas mereka kepada pemimpin. Terdapat sekurang-kurangnya tiga hak yang wajar dinikmati oleh pemimpin dari pengikut iaitu mendapat kepatuhan dan taat setia, mendapat kerjasama dan memperolehi teguran serta nasihat.

1. Mendapat Kepatuhan dan Taat Setia.

Kepatuhan dan taat setia dari para pengikut akan menentukan segala urusan berkaitan dengan kemasyarakatan berjalan lancar dan memastikan organisasi kepimpinan tidak kucar-kacir. Allah s.w.t. berfirman:¹⁴

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kepada RasulNya serta pemerintah di kalangan kamu, kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalilah kepada Allah (al-Quran) dan (sunnah) rasul-Nya, jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik kesudahannya.

Perlu dijelaskan bahawa ketaatan bukan hanya sekadar meliputi kepada perkara-perkara yang disukai, tetapi merangkumi juga perkara-perkara yang mungkin dibenci. Ini kerana dari segi fitrahnya, manusia mudah

¹⁴ Surah an-Nisaa', ayat 59.

taat kepada perkara yang disukai, tetapi sukar mentaati perkara yang tidak disukai.

Perintah ketaatan kepada pemimpin bagaimanapun tidaklah mutlak sebagaimana perintah ketaatan orang mukmin kepada Allah dan Rasul-Nya. Ini kerana Rasulullah s.a.w. menghadkan ketaatan kepada pemimpin hanya kepada perkara-perkara yang ma'ruf seperti sabda Baginda yang bermaksud: *'Tidak ada ketaatan kepada perkara-perkara maksiat kepada Allah, sesungguhnya ketaatan itu hanya pada perkara-perkara ma'ruf'*.

Islam juga menekankan bahawa ketaatan kepada pemimpin bukan kerana kehebatan personaliti atau kerana takut dan bimbang kepada sesuatu bentuk tindakan yang mungkin akan berlaku, tetapi ketaatan diberikan adalah kerana jawatannya yang dianugerahkan Allah untuk mentadbir urusan umat.

2. Mendapat Kerjasama.

Selain memberi ketaatan, para pengikut juga wajar memberi kerjasama dan memastikan sesuatu perancangan atau program yang digerakkan oleh pemimpin berjaya mencapai objektifnya. Pemimpin yang memimpin dalam lingkungan syariat wajar mendapat kerjasama sepenuhnya dari para pengikut. Kerjasama kepada pemimpin boleh dimanifestasikan dalam berbagai bentuk - dari berbentuk pengorbanan, mempertahankan kewibawaan pemimpin dengan lisan atau apa sahaja cara yang wajar sehingga kepada pengorbanan harta dan keringat.

Kerjasama dari pengikut bagaimanapun hendaklah timbul dari rasa tanggungjawab terhadap pemimpin yang menunaikan amanahnya seperti yang diperintahkan oleh Allah dan bukannya didorong oleh kepura-puraan atau kerana ada kepentingan lain.

3. Memperolehi Teguran dan Nasihat.

Hak ketiga yang wajar dinikmati oleh pemimpin ialah mendapat nasihat dan teguran yang baik dari para pengikut. Menyadari akan hakikat bahawa pemimpin juga bukanlah *perfect*, Islam meminta umatnya menegur dan memberi nasihat kepada pemimpin mereka.

Dalam hal ini pemimpin juga wajar bersifat terbuka, bersedia menerima teguran dan nasihat. Prinsip kepimpinan sebegini telah dibuktikan misalnya oleh Saidina Abu Bakar as-Siddiq yang membuka ruang kepada rakyat supaya beliau ditegur seperti disebut dalam ucapan dasarnya selepas dilantik sebagai khalifah Islam pertama menggantikan Rasulullah s.a.w., katanya yang bermaksud: *'Jika sekiranya kamu lihat aku melakukan kebaikan, bantulah aku, dan jika sekiranya kamu lihat aku melakukan kesalahan, betulkan aku'*.

Saidina Umar al-Khattab r.a. berpendapat bahawa khalifah tidak boleh menganggap dirinya mempunyai keistimewaan-keistimewaan tertentu yang membezakannya dengan rakyat jelata sehingga tidak ada orang yang berani menegur. Ini akan membawa kepada kekacauan dan kemusnahan negara dan menyebabkan hubungan kasih sayang antara pemimpin dengan rakyat menjadi jauh.

Sikap keterbukaan pemimpin amat penting kerana ia boleh mencipta suasana yang harmoni antara pemimpin dengan para pengikut dan mewujudkan perasaan kasih sayang sesama mereka. Kerana itu Islam juga mengajar supaya pemimpin tidak menganggap dirinya mempunyai keistimewaan-keistimewaan yang membezakan dirinya dengan para pengikutnya.

Di sisi Allah, ukuran perbezaan di antara manusia adalah ketakwaan mereka, bukannya kedudukan dan kemewahan harta benda. Oleh kerana wujud sikap keterbukaan pemimpin, umat Islam tidak ragu-ragu

memberi nasihat, kerana menganggap agama itu adalah nasihat sepertimana sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

'Agama itu adalah nasihat. Kami (para sahabat) berkata kepada siapa, ya Rasulullah? Sabda Rasulullah s.a.w. Kepada Allah, kepada rasul-Nya, kepada Kitab-Nya, dan kepada pemimpin-pemimpin umat Islam dan masyarakat mereka'.

Sistem teguran yang dianjurkan oleh Islam dianggap unggul kerana ia tidak memihak kepada pemimpin sepenuhnya dengan mengorbankan kepentingan ummah dan ia tidak pula memihak kepada kumpulan atau ummah dengan mengorbankan kepentingan pemimpin. Ia menjelaskan di antara tugas dan tanggungjawab seorang pemimpin di satu pihak dan tugas dan tanggungjawab pengikut di satu pihak yang lain.

Sementara itu, para pengikut juga berhak memperolehi manfaat dari pemimpin iaitu memperolehi perkhidmatan (*service*) yang terbaik. Pemimpin perlu meletakkan diri mereka sebagai orang yang sentiasa bersedia memberi perkhidmatan dan penyelesaian yang praktikal kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh pengikut-pengikut seperti mana sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: *'Pemimpin umat itu ialah khadam kepada mereka'.*

Keputusan-keputusan dalam mengendalikan kepimpinan mesti berorientasikan kemaslahatan pengikut dan pemimpin perlu banyak meransang, mengambil inisiatif mengembleng tenaga, kepakaran dan sumber yang ada untuk mencapai objektif. Kepimpinan yang positif dari pemimpin akan menghasilkan budaya kualiti dan kehidupan cemerlang para pengikut.

Penyelesaian - Mewujudkan Kepimpinan Berkesan.

Untuk melahirkan kepimpinan Islam yang berkesan, caranya adalah pelbagai. Namun yang paling penting ialah apa yang dinyatakan oleh Ibn Taymiyyah (meninggal 728H) dalam bukunya *al-Siyasah al-Syar'iyah*. Beliau memulakan perbincangan tentang keberkesanan kepimpinan dengan merujuk

kepada ayat al-Qur'an yang menekankan tentang sifat amanah dan adil seorang pemimpin seperti yang disebut dalam al-Quran seperti berikut:¹⁵

Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar lagi sentiasa Melihat.

Bersifat **amanah** dan **adil** adalah dua sifat utama yang menjadi kayu ukur menentukan keberkesanan seorang pemimpin. Kedua-dua sifat tersebut mempunyai hubungan yang rapat dengan ketakwaan pemimpin kepada Allah s.w.t. Manifestasi dari sifat amanah dan adil seorang pemimpin memberi kesan kepada pengikut-pengikut terutama untuk mencapai kepada matlamat *as-sa'adah* atau kebahagiaan sebenar di dalam kehidupan.

Pembentukan sifat amanah dan adil seorang pemimpin tidak diperolehi hanya melalui warisan tetapi perlu usaha, antara lain melalui pendidikan, pembelajaran dan pengalaman yang dilalui dalam tempoh tertentu. Pengukuran keberkesanan seorang pemimpin mengikut pandangan Islam dilihat bermula dari perspektif peribadi pemimpin itu sendiri dan kemudian barulah menjangkau kepada masyarakat dan negara keseluruhannya.

Seorang pemimpin yang memimpin sebuah negara besar umpamanya, tetapi terlibat dalam kesalahan moral seperti peminum arak dan sebagainya, tidak dianggap berkesan dan berjaya pada pandangan Islam, walaupun mungkin dianggap berkesan jika diukur dari segi prestasi kerjanya.

Di kalangan para sarjana yang membuat kajian lapangan dengan meneliti perilaku seorang pemimpin yang berkesan dan penerimaan oleh pengikut telah mendapati, tidak ada sifat-sifat khusus yang boleh dikatakan secara

¹⁵ Surah an-Nisaa', ayat 58.

pasti atau mutlak untuk menentukan tahap tertinggi kredibiliti dan keberkesanan seorang pemimpin. Ini kerana ada sifat-sifat tertentu yang adakalanya tidak sesuai atau serasi dengan kumpulan tertentu tetapi serasi kepada kumpulan lain.

Seorang sarjana Islam pernah berkata: *'Bukan semua pemimpin mempunyai sifat-sifat tertentu kerana terdapat juga ramai orang yang memiliki kebanyakan atau semua sifat tersebut dan orang ini bukan semua terdiri daripada golongan pemimpin belaka'.*

Walaupun begitu, umumnya dipersetujui bahawa terdapat sifat-sifat yang amat diperlukan untuk menjadi seorang pemimpin yang berkesan seperti mempunyai ilmu pengetahuan yang mencukupi untuk memimpin dan berkeupayaan mentadbir dan mengurus organisasi dari segi perancangan, pelaksanaan dan pengawalan untuk mencapai kepada objektif yang ditentukan.

Justeru itu, di kalangan para ulama' Islam, mereka cuba menyenaraikan beberapa sifat kepimpinan yang dianggap perlu ada pada seorang pemimpin Islam. Seorang pemimpin yang berada di barisan hadapan memimpin ummah memerlukan kualiti yang tinggi dari segi kehebatan fizikal dan juga spiritual.

Memandangkan pentingnya kualiti seorang pemimpin dalam Islam, para ulama' memberi perhatian yang mendalam membincangkan pelbagai jenis karakter yang perlu wujud untuk menjadikannya berkesan. Berikut dijelaskan pandangan beberapa orang ulama' Islam berhubung dengan karakter yang perlu dimiliki oleh seorang pemimpin utama:

1. Al-Mawardi menetapkan 6 syarat untuk menjadi seorang khalifah iaitu:
 - Keadilan yang meliputi segala syarat;
 - Memiliki ilmu pengetahuan yang sampai ke peringkat boleh berijtihad;

- Memiliki kesejahteraan pancaindera, pendengaran, penglihatan dan lisan ;
 - Memiliki kesejahteraan anggota badan dari kecederaan yang menjejaskan pergerakan harian;
 - Memiliki kecerdasan fikiran sampai kepada peringkat sanggup mempertahankan kehormatan dan berjihad menentang musuh; dan,
 - Berbangsa dan berdarah keturunan Quraish;
2. Imam al-Qurtubi, beliau meletakkan 11 syarat untuk menjadi seorang khalifah iaitu:
- Berketurunan Quraish berdasarkan kepada sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: *'Pemimpin hendaklah dari keturunan Quraish'*;
 - Terdiri dari seorang yang layak menjadi qadi, boleh berjihad sendiri tanpa bergantung kepada orang lain untuk mengeluarkan sesuatu keputusan;
 - Mempunyai kewibawaan dalam urusan ketenteraan dan dapat membentaras kezaliman dan menjaga kepentingan umat Islam;
 - Mempunyai pendirian yang teguh dalam menjalankan hukum syariat tanpa gentar dan takut dengan mana-mana pihak;
 - Hendaklah seorang yang merdeka dirinya;
 - Seorang yang beragama Islam;
 - Seorang lelaki;
 - Sejahtera anggota tubuh badan dari sebarang kecacatan ;
 - Seorang yang baligh;
 - Seorang yang berakal sihat; dan
 - Seorang yang adil di mana tidak layak bagi yang fasiq menjadi pemimpin .
3. Ibn Khaldun menetapkan 4 syarat sahaja untuk menjadi khalifah iaitu:
- Memiliki ilmu pengetahuan sehingga sampai ke peringkat berjihad;

- Keadilan - di mana semua jawatan dalam agama mesti berlandaskan keadilan;
 - Kesanggupan dan berani menjalankan undang-undang hudud serta menghadapi peperangan dan boleh mengarah rakyat berperang, mengetahui hal ehwal diplomasi dan cekap dalam siasah; dan
 - Kesejahteraan pancaindera dan anggota badan dari kecederaan seperti gila, buta, tuli, bisu, cacat tangan, kaki dan sebagainya.
4. Al-Baghdadi, sama seperti Ibn Khaldun menetapkan 4 syarat untuk menjadi khalifah dengan penekanan kepada sifat-sifat yang berbeza iaitu:
- Mempunyai ilmu sekurang-kurangnya sampai ke peringkat mujtahid dalam soal halal dan haram dalam hukum agama;
 - Adil dan warak, sekurang-kurangnya dirinya boleh menerima kesaksian;
 - Mempunyai kemampuan berpolitik serta bijak dalam pengurusan negara, mampu membaca kemampuan rakyat sehingga tidak membebankan kerja-kerja kepada orang yang lemah serta bijak juga dalam urusan ketenteraan; dan
 - Berketurunan Quraish.

Jika diperhatikan kepada penentuan karakter kepimpinan berkesan yang diberikan oleh para ulama' Islam, didapati mereka menekankan tentang kemampuan para pemimpin memimpin pengikut-pengikut menuju kepada keredhaan Allah dan memahami tujuan hidup sebenar.

Aspek '*quwwah*' atau keupayaan dari segi ilmu pengetahuan dan kesejahteraan fizikal merupakan syarat utama dalam memimpin ummah di samping pemimpin memiliki keperibadian yang unggul sehingga dihormati dan disanjung oleh para pengikut. Hisham al-Talib (1992) menggariskan 7 faktor kepimpinan berkesan yang dibuktikan melalui penyelidikan saintifik sebagai bandingan dengan apa yang disebut sebelum ini seperti berikut:

1. Kemampuan Mental.

Dia tidak semestinya mempunyai kecerdasan yang luar biasa.

2. Minat dan Kebolehan yang Luas.

Dia bukan saja aktif dalam satu bidang sahaja. Dia mempunyai kefahaman yang luas, kecenderungan yang banyak dan pelbagai. Dia seorang yang peka, mempunyai minat yang luas terhadap kerja-kerja yang melibatkannya secara langsung, termasuk pelbagai perkara dan aktiviti-aktiviti penting di persekitarannya. Jelasnya dia seorang yang dikurniakan kelebihan yang luas.

3. Kemahiran Komunikasi.

Salah satu gelaran yang diberi kepada Nabi Muhamamd s.a.w. ialah orang yang paling fasih bertutur bahasa Arab. Mengikut Cambridge History of America Literature: *'Bukan polisi dan tindakannya yang menyebabkan kemenangan Lincoln menerajui partinya pada tahun 1680, tetapi cara ianya menyampaikan sesuatu'*. Dalam setiap revolusi orang yang dapat menyampaikan sesuatu dengan baik dapat memimpin.

4. Kematangan.

Seorang pemimpin yang berjaya bebas dari sifat budak-budakkan, sikap dan tingkahlakunya adalah tindakan orang yang dewasa yang bertanggungjawab dan matang. Dari segi psikologinya dia seorang yang stabil dan menggambarkan kestabilan peribadi kepada pengikut-pengikutnya.

5. Kekuatan Motivasi.

Dorongan, tenaga, inisiatif, ketabahan, keupayaan memuliakan diri sendiri dan pendirian yang tetap telah lama diterima sebagai tanda

pemimpin yang kuat. Pemimpin yang berjaya suka merancang, mengurus dan mengarah usaha yang lain. Dia mempunyai keinginan yang kuat untuk mencapai sesuatu.

6. Kemahiran sosial.

Kepimpinan pada dasarnya memperoleh sesuatu melalui orang lain, yang menunjukkan secara jelas bahawa pemimpin yang jelas mesti bergantung kepada kemahiran sosial. Dia mesti peka terhadap perasaan dan sikap manusia, sama ada jelas atau tidak. Dia mesti tegas untuk mempengaruhi orang lain dengan berkesan.

7. Keupayaan Mentadbir.

Kebolehan membayangkan, memulakan, merancang, mengarah, menyelesaikan, menilai orang lain, memilih, mengajar, meransang, mengkaji, meneliti, memerhati, memperbaiki, melihat dengan pandangan yang jauh, meringkaskan, memutuskan, memastikan kerja dilaksanakan; perkara-perkara ini merupakan kemahiran yang dipegang oleh pemimpin lebih daripada teknologi.

Meskipun dalam situasi yang berlainan, sifat-sifat yang diutarakan oleh para ulama' mempunyai signifikasi untuk melahirkan kepimpinan yang berkesan, iaitu bukan sahaja berkesan dari kaca mata para pengikut, tetapi juga pada pandangan Allah s.w.t. Dalam konteks kepimpinan masa kini, konsep kepimpinan Islam perlu bergerak dalam semua lapangan kehidupan dan dipraktikkan oleh semua pihak dari para ustaz, ahli politik, jurutera, arkitek, ahli perniagaan, guru, peniaga dan sebagainya.

Dalam konsep Islam yang syumul, apa sahaja bidang berkaitan profesion pekerjaan yang menyumbang kepada kebaikan rakyat dan negara perlu dianggap sebagai ibadah dengan mendahului niat kerana Allah sesuai dengan tanggungjawab sebagai khalifah Allah yang memakmurkan muka bumi.

Muhammad Rasulullah s.a.w. - Pemimpin Ummah Terulung Murabbi Teragung.

Insan bernama Muhammad Rasulullah s.a.w. adalah manusia agung. Baginda adalah model dan ikutan sebenar yang telah memberi panduan kepada seluruh umat manusia dengan lengkap dan sempurna dalam seluruh aspek.

Keunggulan insan bernama Muhammad s.a.w. dapat dilihat sebagai seorang pemimpin Negara, ahli politik, pembuat keputusan (tempat rujukan), panglima tentera, ahli diplomasi, ahli diplomatik, pakar hubungan antara kaum, pakar strategi, pakar perlembagaan, pakar pembangunan sumber manusia (modal insan), pakar pembangunan negara dan masyarakat serta pelbagai bidang lain yang tidak dapat dinyatakan secara khusus.

Pandangan Tokoh Bukan Islam Mengenai Muhammad s.a.w.

1. Michael H. Hart.

Michael H. Hart adalah ahli sejarah, pakar matematik dan astronomi. Beliau menulis buku bertajuk *The 100* yang diterbitkan pada tahun 1978. Kemudian buku ini diterbitkan semula dengan tajuk *The 100: A Ranking of The Most Influential Persons in History* terbitan *Carol Publishing Group* pada tahun 1992.

Di dalamnya dimuatkan kajian beliau berkenaan 100 orang tokoh sejarah yang paling banyak memberi kesan dan mempengaruhi jalan hidup manusia. Akhirnya beliau merumuskan tokoh yang paling unggul dan berpengaruh adalah Nabi Muhammad s.a.w. Daripada 100 orang tokoh yang dikajinya, 10 nama yang teratas adalah:

- i. Nabi Muhammad s.a.w.
- ii. Isaac Newton.
- iii. Nabi Isa.
- iv. Buddha.
- v. Confucious.
- vi. St. Paul.
- vii. Ts'ai Lun.
- viii. Johann Gutenberg.
- ix. Christopher Columbus.
- x. Albert Einstein.

Mengapa Michael H. Hart memilih Nabi Muhammad s.a.w. sebagai tokoh yang paling berpengaruh dalam sejarah? Beliau berkata: *'Pemilihan Muhammad sebagai tokoh yang paling berpengaruh di dunia mungkin mengejutkan sesetengah pembaca dan dipersoalkan oleh sesetengah yang lain. Saya memilihnya kerana hanya beliau seorang sahaja dalam sejarah yang begitu berjaya dalam 2 bidang iaitu keagamaan dan keduniaan. Daripada asal usul yang agak biasa, beliau mengasaskan dan mengembangkan salah satu agama terhebat di dunia dan menjadi seorang pemimpin politik yang unggul. Pada hari ini, 13 abad selepas kewafatan beliau, pengaruhnya masih hebat dan terus berkembang'*.¹⁶

2. Profesor Jules Masserman.

Majalah Time edisi 15 Julai 1974, meminta masyarakat memberi pandangan mereka berkenaan satu persoalan iaitu *'What makes a great leader? Throughout history, who qualifies?'* (Apakah kriteria yang menjadikan seseorang pemimpin agung dan sepanjang sejarah, siapakah yang layak digelar sebagai pemimpin agung?)

¹⁶ Michael H. Hart, 1978. The 100: A Ranking of The Most Influential Persons in History. New York. Hal. 33.

Jules Masserman, tokoh ilmu dalam bidang psiko-analisis dari Amerika Syarikat dan juga Profesor di Universiti Chicago berkata: *'Seseorang pemimpin perlu melaksanakan tiga fungsi iaitu memelihara kesejahteraan pengikut-pengikutnya, mewujudkan satu sistem sosial yang selamat lagi terjamin dan menyemai nilai kepercayaan untuk diikuti oleh pengikut-pengikutnya'*.

Selepas mengutarakan kriteria-kriteria ini, Profesor Jules Masserman akhirnya menulis, *'Tokoh-tokoh seperti Pasteur dan Salk dapat dikategorikan sebagai pemimpin yang memiliki kriteria pertama. Alexander, Caesar dan Hitler pula dianggap sebagai pemimpin yang melaksanakan kriteria kedua dan mungkin juga ketiga. Pemimpin terunggul dalam sejarah adalah Nabi Muhammad kerana beliau melaksanakan ketiga-tiga kriteria ini, diikuti oleh Nabi Musa'*.¹⁷

3. George Bernard Shaw.

George Bernard Shaw dilahirkan di Dublin pada tahun 1856. Beliau terkenal sebagai ahli falsafah, pemikir, seniman, pengkritik, tokoh intelek, tokoh sastera, penulis dan aktivis masyarakat. Pernah dikurniakan anugerah Nobel Sastera pada tahun 1925. Kemampuan dan ketokohnya dalam pelbagai bidang menjadikannya disanjung oleh masyarakat Barat hingga kini.

Dalam bukunya yang bertajuk *'The Genuine Islam'*, beliau berkata: *'Saya sentiasa menyanjung agama yang dibawa oleh Muhammad kerana kehebatan dan potensi yang ada padanya. Ia adalah satu-satunya agama yang pada pandangan saya mempunyai kemampuan untuk disesuaikan dengan perubahan-perubahan yang sering berlaku dalam kehidupan. Justeru, menjadikannya menonjol pada setiap zaman. Saya mengkaji manusia hebat itu, yakni Nabi Muhammad dan pada pandangan*

¹⁷ Ahmad Deedat. What Does The Bible Say about Muhammad, The Prophet of Islam.

saya beliau bukannya anti Nabi Isa, sebaliknya beliau layak digelar sebagai Penyelamat Umat Manusia.¹⁸

Begitu juga dengan pendapat tokoh-tokoh Barat yang lain seperti Stanley Lane Poole, Thomas Carlyle, Profesor K.S. Ramakrishna Rao, Profesor Laura Veccia Vaglieri, Profesor Sue Watson, Paderi Kenneth L. Jenkins, Paderi George Anthony, Paderi Viacheslav Sergeevich Polosin, Paderi David Benjamin Keldani, Paderi Ibrahim Khalil Philobus serta Vincent Montagne.

Mereka yang mengkaji secara adil dan saksama berkenaan Nabi Muhammad pasti mengagumi dan menghormati beliau seperti yang dikatakan oleh seorang tokoh dari India, Mrs. Annie Besant, di dalam bukunya *'The Life and Teachings of Muhammad'*. Beliau berkata: *'Seseorang yang mengkaji kehidupan dan sifat nabi dari bumi Arab ini dan tahu mengenai ajaran dan cara hidupnya, pasti memberikan penghormatan kepada nabi yang agung ini'*.

Kesimpulan

Masyarakat yang cemerlang terbentuk dari kepimpinan yang cemerlang. Lebih ramai pemimpin yang memahami kepimpinan sebagai amanah dilahirkan dalam sesebuah masyarakat, akan lebih makmur dan sejahtera masyarakat. Oleh kerana setiap individu Muslim dianggap pemimpin, mereka mesti membina potensi kepimpinan masing-masing yang berkesan kepada orang yang dipertanggungjawabkan.

Kepimpinan mesti dianggap sebagai melaksanakan amanah Allah. Ada yang mengatakan, untuk menjadi pemimpin, perlu diamalkan satu falsafah iaitu *"think like a leader"* atau sentiasa berfikir seperti ketua. Dengan cara itu, setiap tindakan akan dibuat dengan matang, dengan mengambil kira reaksi dan respon pengikut-pengikut. Kepimpinan berkait rapat dengan menjalankan tanggungjawab dan memberi hak yang wajar kepada yang berhak

¹⁸ George Bernard Shaw. *The Genuine Islam*, vol. 1, No. 8. Singapore, 1936.

menerimanya dan ianya banyak bergantung kepada kualiti modal insan yang dilahirkan oleh negara yang mampu bersaing di peringkat global.

Rujukan.

1. Ibn Taymiyyah, 1995. *Siasah Syar'iyyah: Etika Politik Islam*, terjemahan Rofi Munawwar.
2. Jaafar Muhammad, 1988. *Asas Pengurusan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
3. Mohd. Affandi Hassan, 1992. *The Tawhidic Approach in Management and Public Administration: Concepts, Principles and an Alternative Model*. Kuala Lumpur: INTAN.
4. Mustafa Hj. Daud, 1994. *Pengurusan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.
5. Naceur Jabnoun, 1994. *Islam and Management*. Kuala Lumpur: Institut kajian Dasar.
6. Michael H. Hart, 1978. *The 100: A Ranking of The Most Influential Persons in History*. New York.
7. Ahmad Deedat. *What Does The Bible Say About Muhammad, The Prophet of Islam*.
8. George Bernard Shaw. *The Genuine Islam, vol. 1, No. 8*. Singapore, 1936.